



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JK/3/2022**

Tajuk Sebut Harga:

**PELAWAAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MEREKA, MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL BAJU KORPORAT DAN T-SHIRT ACARA PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor / Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah Kod Bidang **020801 – Pakaian** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **20 JUN 2022 (ISNIN)** hingga **23 JUN 2022 (KHAMIS)** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
3. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **satu (1) salinan** sijil yang berkaitan. Wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen sebut harga.
4. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **27 JUN 2022 (ISNIN)**.
5. Kontraktor yang ingin berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <http://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**( SHAMSHUL JOEHARI BIN ZAINAL MOKHTAR )**

NAIB PRESIDEN  
Jabatan Perkhidmatan Korporat  
Perbadanan Putrajaya